

Ruj. Kami : PSIS/03/01/5-33 Jld. 22 ()
Tarikh : 19 Mei 2017

Saudara/saudari,

PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI JUN 2017

Sukacita saya mengucapkan tahniah dan syabas di atas kejayaan anda ditawarkan tempat pengajian di Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS), Selangor Darul Ehsan. Adalah dimaklumkan bahawa saudara/saudari **ditawarkan kemudahan KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR.**

Semua calon pelajar dikehendaki **mematuhi dan melaksanakan** perkara-perkara berikut:

2. Semua calon pelajar dikehendaki **mematuhi dan melaksanakan** perkara-perkara berikut:
 - i. **Menjelaskan semua pembayaran** di **Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)** mengikut jumlah yang telah ditetapkan seperti dalam Jadual Pembayaran. Bayaran boleh dibuat mulai **25 Mei 2017 (Khamis)**.
 - ii. Melayari laman web rasmi PSIS : www.psis.edu.my di bawah tajuk, “**PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI JUN 2017**” untuk melaksanakan perkara berikut:
 - a. Memuat turun dan mencetak Buku Panduan Pendaftaran
 - b. Memuat turun dan mencetak Borang Pendaftaran Pelajar Baharu Politeknik (BHEP 1 – BHEP 6)
 - iii. Melaksanakan proses **pendaftaran on-line** melalui **SPMP (Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar)** pada **29 Mei 2017** selepas membuat pembayaran di laman web : <http://spmp.psis.edu.my/uspmp2/logindaftarbaru.jsp> Cetakan slip pengesahan pendaftaran perlu dibawa pada hari pendaftaran. Sistem pendaftaran *on-line* akan diaktifkan mulai **29 Mei 2017 (Isnin)**. Tatacara pendaftaran *on-line* disediakan di dalam Buku Panduan Pendaftaran.
3. PSIS **TIDAK** menjamin sebarang bentuk bantuan biasiswa/kewangan kepada pelajar. Bagi pelajar yang berminat untuk mendapatkan bantuan biasiswa/kewangan seperti PTPTN, JPA, Yayasan Negeri atau mana-mana penaja, dinasihatkan supaya berusaha mendapatkan maklumat dan seterusnya memohon (sekiranya layak) biasiswa/pinjaman daripada penaja berkenaan **sebelum mendaftar ke PSIS**. Pelajar boleh menggunakan surat tawaran melanjutkan pelajaran ke Politeknik KPT untuk tujuan tersebut. Maklumat lanjut berkaitan tajaan disediakan di dalam Buku Panduan Pendaftaran.
4. Proses pendaftaran akan berlangsung seperti mana yang telah ditetapkan di dalam jadual pendaftaran yang disertakan. Kerjasama daripada anda dalam **mematuhi masa pendaftaran** amat diperlukan dan dihargai bagi memastikan proses pendaftaran berjalan dengan lancar dan teratur.

Sekian, selamat belajar dan semoga berjaya.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,

(ABD RASHID BIN MOHD ALI)

Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar

b.p. Pengarah

Politeknik Sultan Idris Shah

Selangor Darul Ehsan.

Arahan kepada semua calon pelajar

- i. Mematuhi masa pendaftaran yang telah ditetapkan
- ii. Mematuhi etika pakaian dan rupa diri semasa mendaftar
- iii. Hanya calon pelajar sahaja yang dibenarkan berada di lokasi pendaftaran.

Jadual Pendaftaran dan MSK Pelajar Baharu Sesi Jun 2017

Tarikh	Masa	Tempat	Aktiviti
5 Jun 2017 (Isnin)	8.30 pagi – 11.00 pagi	Dewan Serbaguna, PSIS	Pendaftaran Pengajian & Penginapan Kolej Kediaman Pelajar
	9.00 pagi – 12.30 t/hari	Blok Kolej Kediaman Pelajar	Daftar masuk ke bilik penginapan
	12.30 t/hari – 2.00 ptg		Pengurusan diri
	2.30 ptg	Dewan Serbaguna, PSIS	Taklimat MSK
6 – 8 Jun 2017 (Selasa – Khamis)	5.00 pg – 9.00 mlm	Dewan Serbaguna, PSIS	Aktiviti Minggu Suai Kenal (MSK) Pelajar Baharu Sesi Disember 2016
9 Jun 2017 (Jumaat)	8.00 pagi	Jabatan Akademik	Aktiviti dengan jabatan dan Pendaftaran Kursus sesi Disember 2016
10 & 11 Jun 2017 (Sabtu & Ahad)	8.00 pagi	Blok Kolej Kediaman Pelajar	Khidmat diri dan aktiviti pelajar di Kolej Kediaman Pelajar
12 Jun 2017 (Isnin)	8.00 pagi	Jabatan Akademik	Perkuliahuan bermula bagi sesi Disember 2016